

84,537 orang disahkan korban Taufan Nargis

Merupakan peningkatan terbaru kematian berbanding jumlah 77,700 mangsa yang disahkan sebelum ini.

YANGON - Seramai 84,537 orang disahkan terkorban akibat Taufan Nargis yang melanda Myanmar pada Mei lalu, kata pihak junta tentera.

Angka itu merupakan peningkatan terbaru kematian berbanding jumlah 77,700 mangsa yang disahkan sebelum ini.


Timbalan Menteri Luar Myanmar, Kyaw Thu berkata, jum-

lah rasmi kematian pada masa ini ialah 84,537 orang manakala mangsa yang hilang 53,836 orang.

Taufan Nargis melanda Myanmar pada 2 dan 3 Mei lalu dengan menyebabkan kemusnahan besar di sekitar delta Irrawaddy dan ibu kota ini.

Usaha bantuan antarabangsa dijalankan untuk menolong 2.4 juta mangsa yang terselamat daripada bencana tersebut, yang dianggap terburuk dalam sejarah moden Myanmar.

Pada 17 Mei lalu, pihak junta mengumumkan 77,738 orang terkorban akibat taufan itu dan 55,917 yang lain hilang.



Pekerja bantuan di sebuah kuil di barat daya Yangon menyediakan sumbangan bantuan termasuk beras, minyak, garam dan sabun basuh untuk mangsa taufan.